

CNS9874

U GB 31-05 00178 BA086

aab

Mahathir - Kaamatan

KEKALKAN KEHARMONIAN HIDUP BERBAIK-BAIK, KATA MAHATHIR

KOTA KTNABALU, 31 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa rakyat agar memelihara keharmonian hidup antara kaum yang wujud di negara ini kerana pergaduhan dan rusuhan akan hanya merugikan semua pihak.

Perdana Menteri berkata rusuhan dan pembunuhan seperti yang berlaku di banyak negara di dunia sekarang hanya akan mengakibatkan negara-negara berkenaan terus mundur dan diperalatkan oleh pihak luar terutama yang terlibat dalam penjualan senjata.

"Semua pihak akan menanggung kerugian apabila berlaku pergaduhan dan rusuhan. Ia tidak langsung mendatangkan apa-apa faedah baik kepada yang jadi kerajaan mahupun yang tidak menjadi kerajaan," katanya semasa menutup sambutan Pesta Kaamatan di Dewan Hongkod Koisaan di Penampang dekat sini.

Pesta Kaamatan disambut selama sebulan pada setiap bulan Mei sebagai menandakan berakhirnya musim menuai di Sabah terutama di kalangan masyarakat Kadazan/Dusun.

Dr Mahathir berkata beliau bangga kerana rakyat Malaysia dapat memelihara keharmonian dengan turut merayakan perayaan-perayaan kaum-kaum tertentu walaupun mereka berbeza budaya dan agama. -- Lagi.

♥31/05/18-04MST

U GB 31-05 00122 BA087

aab

Mahathir - Kaamatan 2 Kota Kinabalu

Beliau memberi pelbagai contoh rusuhan dan pembunuhan beramai-ramai di beberapa negara sehingga ada yang sanggup membunuh jiran sendiri tanpa mengira orang dewasa atau kanak-kanak.

Perdana Menteri juga membidas negara-negara maju yang tidak lagi boleh diharapkan untuk menyelesaikan pergaduhan kaum di sesebuah negara seperti yang jelas berlaku pada masa ini.

"Dulu negara maju mahu menolong meleraikan pergaduhan dengan menghantar askar mereka. Tetapi kini kita tidak boleh lagi percaya kepada negara maju yang selama ini lantang bercakap tentang hak asasi manusia.

"Kita tidak boleh harap kepada orang luar jika berlaku rusuhan. Apabila tercetus rusuhan, mereka melarikan diri. Mereka tidak lagi memberi perlindungan," katanya. -- Lagi.

♥31/05/18-05MST

aah

Mahathir - Kaamatan.3 (akhir) Kota Kinabalu

Dr Mahathir berkata sekiranya berlaku rusuhan, diri sendirilah yang perlu berusaha menyelamatkan diri masing-masing. Kerana itu, adalah lebih baik semua pihak memastikan agar tidak berlaku rusuhan di negara ini.

Beliau juga gembira kerana penduduk di Sabah dan Sarawak yang terdiri daripada pelbagai kaum, turut berjaya memelihara keharmonian.

"Kalau ada sedikit perbezaan pendapat, itu tidak mengapa. Kita semua berhak kerana kita mengamalkan demokrasi," katanya.

Katanya, segala perbezaan pendapat dan ideologi harus diselesaikan secara baik melalui rundingan atau melalui pengundian semasa pilihan raya.

Perdana Menteri juga memuji sikap para pelajar Kadazan dari Sabah yang turut mengambil kesempatan mengunjungi kediamannya di Kuala Lumpur semasa perayaan Hari Raya baru-baru ini.

"Inilah cara kita. Kita saling berkunjung untuk mengeratkan hubungan tanpa mengira budaya dan agama," katanya.

Dr Mahathir kemudian mengucapkan tahniah kepada masyarakat Kadazan di Sabah sempena sambutan Pesta Kaamatan sambil berharap perayaan seperti itu dapat merapatkan hubungan antara kaum di Sabah.

Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali kemudian memahkotakan juara pertandingan Unduk Ngadau atau Batu Cantik Pesta Kaamatan.

Selepas majlis itu, Perdana Menteri dan isteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur. -- Bernama

MOK OPP ZAA JS NMO

♥31/05/19-34MST